

BH TV

Cara melembutkan sikap suami yang panas baran. Ikuti penjelasan dalam kapsul BH TV Jom Tanya Ustaz, hari ini.

BH IBRAH

[FOTO HIASAN]



Tangani nikah bawah umur secara berhemah

» Prosedur operasi standard seragam perlu ada

Oleh Latifah Arifin dan
Mohd Aizat Shamsuddin
bhagama@bh.com.my

Permohonan bagi perkahwinan bawah umur realitinya bukanlah satu kes terpencil, sebaliknya mahkamah syariah dilaporan menerima ribuan permohonan setiap tahun.

Majoritinya menetap di kawasan

luar bandar dan datang daripada keluarga berpendapatan rendah serta mempunyai alasan yang menyebabkan keterdesakan untuk berkahwin.

Senario itu mungkin asing bagi masyarakat kerana tidak dihebohkan di luar mahkamah sehingga viral, baru-baru ini, kisah perkahwinan budak perempuan berusia 11 tahun yang dikatakan warga Thailand dengan lelaki tempatan 41 tahun.

Ramai yang mengeluarkan andaian dan pandangan terutama mengecam tindakan lelaki itu kerana disifatkan cuba mengambil kesempatan, tidak kurang juga tempias kepada ibu bapa kanak-kanak itu kerana culas dalam menjalankan tanggungjawab dengan menafikan hak dan kebajikannya.

Lebih memburukkan keadaan, perkahwinan berkenaan menimbulkan polemik kerana ia tidak mengikut prosedur ditetapkan Mahkamah Syariah serta dilangsungkan di negara jiran tanpa kebenaran.

Tiada SOP

Peguam Syarie yang juga Ahli Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia, Norilyana Dzulkifli, berpandangan selagi bidang kuasa Mahkamah Syariah tidak diperkecualikan dengan prosedur operasi standard (SOP) yang seragam di setiap negeri, maka 'konflik' perkahwinan bawah umur akan berlarutan.

Menurutnya, SOP ini penting supaya ia menjadi salah satu prinsip dalam mengawal perkahwinan di bawah umur di negara ini.

"Apabila diseragamkan, diperkenas dan diguna pakai di mahkamah syariah di setiap negeri, maka proses perkahwinan lebih lancar, sekali gus kebaikan kanak-kanak itu terpelihara."

"Kedua-dua bakal pengantin, lelaki dan perempuan mesti menjalani ujian atau pemeriksaan yang merangkumi kesihatan, psikologi, kelayakan, kemampuan dan tahap pendidikan, selain satu sesi bersama ibu bapa setiap pihak."

"Sewajarnya kanak-kanak ini diarahkan melalui proses kaunseling supaya dapat diselidiki bagaimana keadaan psikologinya. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga perlu mengeluarkan arahan supaya mereka dapat meneruskan persekolahan."

"Pemeriksaan di hospital juga penting untuk menentukan ke-

upayaan mereka sebelum diberi kebenaran berkahwin, selain perlu diberikan pendidikan seks, termasuk cara mengawal kehamilan supaya dapat menghabiskan persekolahan terlebih dahulu," katanya.

Penafian hak kanak-kanak

Berdasarkan pengalamannya sebagai pengamal undang-undang, kes ini agak unik kerana pasangan yang berkahwin ini mempunyai jarak usia yang begitu jauh.

Merujuk kepada kes-kes terdahulu, katanya, permohonan perkahwinan bawah umur ini biasanya membabitkan kanak-kanak berusia 14 tahun dan ke atas, manakala pasangan mereka pula jarak usia tidak terlalu jauh dan ada antaranya dalam lingkungan sama.

→ Lihat Ms.74